

05 JUL 2002

Abdullah-Pengganti

SOAL SIAPA PENGGANTI TPM TAK PERLU HEBOH, KATA ABDULLAH

PUTRAJAYA, 5 Julai (Bernama) -- Persoalan siapa yang akan menjadi Timbalan Perdana Menteri selepas peralihan kuasa pucuk pemimpin negara Oktober tahun depan tidak perlu diperheboh-hebohkan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Isu ini tidak perlu dihebohkan pada waktu ini kerana kita perlu bekerjasama seterusnya, dan untuk saya mengambil alih sebagai pemimpin parti dan kerajaan pun mengambil masa 16 bulan lagi," katanya kepada pemberita selepas dikunjungi Menteri Pembinaan dan Pengangkutan Korea Selatan, Lim In-Taik.

Beliau berkata buat masa ini Umno dan pemimpinnya perlulah memberi tumpuan untuk mempereratkan kerjasama antara satu dengan lain.

"Tidak dapat dielak keputusan perlu dibuat mengenai perkara ini tapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) masih ada, pemimpin parti masih ada, dan saya dengan tugas saya dan naib-naib presiden (Umno) dengan tugas-tugas mereka.

"Keputusan akan dibuat tapi kerjasama mesti diteruskan...kita harus kekal sebagai sahabat," katanya ketika diminta mengulas ucapan Dr Mahathir pada Selasa lepas yang berkata Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak mungkin dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Dalam satu perjumpaan dengan jawatankuasa Umno Bahagian Kubang Pasu, Dr Mahathir telah berkata: "Sebenarnya kalau saya tak jadi Perdana Menteri, hari ini Pak Lah (Abdullah) jadi Perdana Menteri dan mungkin Najib jadi Timbalan Perdana Menteri, tetapi mereka sanggup tunggu selama 16 bulan untuk mendapat jawatan itu".

Abdullah, bila ditanya mengenai formula peralihan kuasa, berkata perkara pokok yang perlu difahami oleh semua pihak adalah "kerjasama di kalangan pemimpin Umno mesti terus berada dalam keadaan yang sentiasa baik dan perlu dipelihara sepanjang masa."

Katanya kehendak parti mesti diutamakan daripada kehendak individu kerana ia akan menjadikan Umno lebih baik dan kuat.

"Kalau kita utamakan kehendak parti, muafakat kita akan menjadi baik tapi kalau matlamat itu diganggu dengan agenda peribadi, maka tentulah kerjasama akan terjejas.

"Kita amat memahami bahawa jika parti kita tidak berjaya dalam pilihan raya, ini akan menghilangkan peluang kita untuk terus berkhidmat kepada bangsa, negara dan rakyat. Yang memberi kejayaan kepada Umno sehingga kini adalah kuasa politik, dan kalau kuasa itu hilang kerana perbalahan, maka tidak akan siapa yang menang," katanya.

Abdullah, yang juga Timbalan Presiden Umno, berkata soal siapa yang akan memegang sebarang jawatan dalam parti akan ditentukan bila tiba masanya tetapi yang pentingnya "ialah kita (pemimpin parti) patut bekerjasama walau apapun."

Katanya formula peralihan kuasa yang telah diumumkan oleh Dr Mahathir tidak akan menjejaskan peluang Umno untuk merebut balik kerusi Dewan Undangan Negeri Kedah, Anak Bukit dan kerusi Parlimen Pendang pada pilihan raya kecil pada 18 Julai ini.

"Semua pemimpin dan ahli Umno memahami bahawa kekuatan kita bergantung kepada kerjasama dan perpaduan antara kita. Mereka memahami bahawa jika parti berada dalam keadaan kelim kabut, maka prestasi kita dalam pilihan raya akan terjejas," katanya.

Beliau yakin dengan kewibawaan yang ada pada pemimpin-pemimpin Umno dan

juga semangat yang tinggi untuk melihat Umno terus berjaya adalah faktor yang akan memberi kejayaan dan kestabilan kepada parti.

Abdullah berkata, ketiga-tiga naib presiden Umno (Najib, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib) memberi sumbangan yang baik kepada pucuk pimpinan dan tidak ada sebarang pertelingkahan sesama mereka.

Ditanya mengenai persediaan Barisan Nasional menghadapi pilihan raya kecil di kedua-dua kawasan itu, beliau berkata ia berjalan lancar dan harapan untuk menang adalah cerah.

"Yang penting kerjasama sesama kita, komponen BN dan juga kumpulan-kumpulan parti kita iaitu pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri Umno perlu rapat.

Dan pastikan aktiviti kita mencapai keberkesanaan yang baik, yang setinggi mungkin," katanya.

-- BERNAMA

SR AFY MAI